

# PBB lemah, tak mampu rungkai ketidakadilan: PM

Pertubuhan gagal campur tangan atasi isu landa negara anggota



**Pertubuhan** Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) lemah kerana tidak mampu merungkai ketidakadilan walaupun dikenali sebagai organisasi besar yang dianggotai pelbagai negara.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pertubuhan itu gagal campur tangan menangani isu seperti kebakaran hutan di negara tertentu yang menghasilkan kepulan asap berbahaya sehingga menjejaskan negara lain, selain polemik peperangan menentang rakyat sendiri.

Mengenai krisis Rohingya, beliau berkata, terdapat kelemahan yang jelas pada PBB apabila ia menyaksikan satu kerajaan bertindak kejam terhadap rakyat sendiri, tetapi tiada apa yang boleh dilakukan.

“Kita boleh bersyarah, kita boleh berdoa, kita boleh minta mereka ‘jangan buat perkara sedemikian’, tetapi perilaku terbabit tetap diteruskan kerana kita tidak menyerang negara terbabit untuk menghapuskan rejim seperti itu,” katanya.

Perdana Menteri berkata de-

mikian ketika menyampaikan ucap tama bertajuk ‘Kedaulatan Undang-Undang dan Multilateralisme’ pada Forum Kepemimpinan Dunia Universiti Columbia, di sini kelmarin.

Katanya, ancaman sebenar kini lebih kepada isu ‘unilateralisme’ atau prinsip membuat keputusan tanpa persetujuan pihak lain seperti dilakukan kuasa besar tanpa mempedulikan perasaan dan kesan terhadap orang lain.

“Masalahnya ialah kita tidak menghormati PBB. Negara besar dan berkuasa langsung tidak mengendahkan PBB serta resolusi yang dirangkanya. Apabila perkara sebegini terjadi, negara kecil akan mengikut tindak-tanduk mereka.

“Sekarang kita lihat, malah negara kecil seperti Myanmar boleh bersikap ‘besar kepala’ dengan PBB,” katanya sambil menambah, sistem sedia ada PBB tidak membenarkan sebarang bentuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggota.

Beliau berkata, akan tiba masanya isu seperti kebakaran hutan berupaya bertukar parah sehingga menyebabkan seluruh dunia ‘diselubungi’ jerebu dan ketika itu, PBB mungkin berpendirian masyarakat dunia harus merangka penyelesaian.

“Ia kerana ia bukan lagi hal ehwal dalaman negara anggota, sebaliknya menjadi polemik global. Jika kita mempunyai kerangka pemikiran sedemikian, maka kita boleh melakukan sesuatu,” katanya.

Mengambil contoh campur tangan Amerika Syarikat (AS) di Iraq ketika memburu dan menggulingkan Presiden Saddam

Hussein, Dr Mahathir mengutarakan persoalan mengapa perancangan serupa tidak dilakukan dalam kes Myanmar.

“Hingga kini, rakyat di wilayah Rakhine terpaksa menanggung penderitaan berpanjangan,” katanya menyifatkan sikap ‘berpeluk tubuh’ dicerminkan Kaunselor Negara Myanmar, Aung San Suu Kyi sebagai sesuatu yang malang.

“Kita bersimpati dengannya dan berkempen demi menuntut pembebasannya, tetapi sekarang beliau tidak mempertahankan rakyatnya yang berdepan penindasan,” katanya.

Mengenai pendekatan Malaysia dalam isu pengaruh kuasa besar di rantau Asia, Dr Mahathir berkata: “Kita harus terima hakikat bahawa kita tidak mampu berperang dengan mereka. Justeru kita perlu mengalah dalam pelbagai perkara.”

Memetik contoh tuntutan China terhadap Laut China Selatan, Perdana Menteri berkata, kuasa besar Asia itu boleh berbuat demikian asalkan memberi ‘lampu hijau’ untuk semua kapal melalui perairan berkenaan.

“Itu tuntutan mereka. Kita juga boleh buat perkara sama dengan mengatakan Australia sebenarnya milik kita, tetapi Australia tidak akan mengendahkan kerana tahu ia adalah sesuatu yang mustahil terjadi.

“Malaysia masih boleh meraih manfaat kerana kita tidak mempertikaikan tuntutan China, namun hakikat sebenar kekal, Selat Melaka masih jadi kepentingan utama kepada perdagangan Timur-Barat. Sekiranya perairan itu ditutup, China akan alami penderitaan,” katanya.